2001

TARBIYYAH IMANIYYAH SEBAGAI DASAR TARBIYYAH ISLAMIYYAH HARAKIYYAH

Kertas Kerja

Keimanan yang benar ialah keimanan yang melahirkan amal dan ketaatan. Keimanan yang cuba dibentuk melalui proses Tarbiyyah Islamiyyah Harakiyyah bukanlan keimanan yang mandul yang tak membuahkan amal. Tapi keimanan yang cuba dihasilkan ialah keimanan yang tulen dan peka terhadap tuntutan keimanan serta peka dan mudah bertindakbalas dengan suasana-suasana yang cuba meruntuhkan atau menggugat pertumbuhan dan perkembangan Iman tersebut.

Azmi Bahari
.
2/1/2001

KANDUNGAN MUKA SURAT

TARBIYYAH IMANIYYAH SEBAGAI DASAR TARBIYYAH ISLAMIYYAH HARAKIYYAH

MUQADDIMAH

Penjahilan besar-besaran telah melanda konsep-konsep umum seorang Muslim dalam berbagai persoalan Islam. Hal ini telah merebak pada seluruh sikap dan tingkah laku Muslim. Akibatnya muncullah berbagai konsep, sikap dan waqie' yang asing, yang sama sekali tidak ada sangkut pautnya dengan hakikat Islam yang sebenarnya.[1]

Akibatnya Islam yang sepatutnya menjadi suatu nikmat terbesar kurniaan Ilahi kini menjadi suatu bebanan. Suatu bebanan yang ditanggung lantaran kejahilan Ummat Islam itu sendiri dalam memahami dan menghayati Islam sebagai suatu nikmat. Ibnu Taimiyyah di dalam menjelaskan mengenai kepentingan kefahaman yang shahih dan implikasinya dalam kehidupan Mukmin menyebutkan bahawa:

> *"Kefahaman yang shahih dan niat yang baik adalah sebesar-besar nikmat Allah s.w.t ke atas hambaNya. Bahkan tidak ada anugerah yang lebih baik dan mulia selepas Islam melainkan kedua-duanya. Kedua-duanya merupakan betis kepada Islam. Islam tertegak di atasnya dan dengannya seorang hamba terselamat dari jalan-jalan orang-orang sesat yang mempunyai kefahaman yang rosak. Beliau termasuk dikalangan orang-orang yang diberi nikmat ke atas mereka, mempunyai kefahaman dan niat yang baik. Mereka berada pada jalan yang lurus yang diperintahkan agar kita memohon dari Allah s.w.t agar Dia menunjuki kita jalan yang lurus dalam setiap solat. Kefahaman yang shahih merupakan cahaya yang dicampakkan oleh Allah s.w.t kedalam hati hambaNya menyebabkan beliau boleh membezakan di antara yang shahih dan fasid, hak dan bathil, petunjuk dan kesesatan, penyelewengan dan kebenaran dan….."*[2]

Ada yang menyedari hakikat ini dan cuba merawatnya Tapi tidak tahu punca-puncanya lantaran tidak tahu bagaimana seharusnya mendiagnosa semua pemyakit ini dan memahaminya secara menyeluruh dalam rangka membina semula ummat dan memperbaharui Harakah Islamiyyah serta melancarkan suatu Harakah Islamiyyah yang baik, selamat, memadai dan moden. Kerana dengan semata-mata adanya keluhan, semata-mata keinginan melakukan perubahan secara benar, semata-mata merasai berada pada jalan yang salah dalam hampir semua segi, semata-mata adanya usaha-usaha serampangan untuk mengubati keadaan yang hina dan terkebelakang, dengan semata–mata itu semua! Maka keadaan ummat akan tetap buta terhadap jalan terang. Oleh itu kaedah pengdiagnosaan menyeluruh mesti diketahui.[3]

Penyakit yang dideritai oleh ummat Islam hari ini adalah penyakit lama yang berulang kembali akibat dari kecuaian dan kealpaan ummat ketika sihatnya. Penyakit ini dulunya hampir memusnahkan ummat manusia tetapi Allah yang Maha Penyayang telah mengutuskan RasulNya lalu membimbing ummat manusia yang sedang dalam kegelapan menuju kepada cahaya dan keluasan hidup, dari penyembahan kepada sesama mahkluk kepada penyembahan Allah yang Maha Esa. Tetapi kini penyakit ini semakin merebak dan makin hari makin tenat, hingga ada organ-organ

yang lemah dan tak berfungsi, bahkan Tauhid ataupun keimanan kepada Allah yang menjadi jantung Islam itu sendiri telah tenat dan makin kehilangan fungsinya. Kini tanda-tanda kelemahan dan kehancuran ummat mula tampak dalam tingkahlaku dan pergerakan ummat itu sendiri.Ummat Islam hari ini telah mula menolak Syariat dan Hakimiyyah Allah taala, Deen Allah serta janji-janji dan ancaman-ancaman Allah. Dimana ini bermakna kita juga telah menolak redha,rahmat dan bantuan Allah taala; oleh itu hari ini kita melihat Ummat Islam telah hilang Daulah Islamiyyah, Syariat Islamiyyah, Ahklak Islam, Tamadun Islam, Tarbiyyah dan Keperibadian sebenar Islam.

Penyakit ini tidak akan sembuh melainkan kita merawatnya sebagaimana Rasulullah s.a.w merawatnya dahulu; kita mesti bermula pada titik permulaan dakwah Rasulullah s.a.w. Ummat ini perlu dididik sebagaimana Rasulullah s.a.w mendidik generasi awal dahulu dengan manhaj dan uslub Rasulullah s.a.w.

Perlu Kembali Kepada Tarbiyyah Islamiyyah Harakiyyah.

Al Imam asy Syahid Hasan al Banna telah menyedari hakikat ini dan merasai bahawa *"umat ini semestinya kembali bangkit, namun khazanah (aset) umat ini untuk kembali telah terkuras habis, kecuali satu: itulah pemuda!"* Hasan al Banna telah mengungkapkan kata-kata: *"**nahnu fi 'asyri at taqwin, fakawwinu anfusakum** (kita sekarang sedang berada di abad pembentukan peribadi, maka bentuklah diri kalian masing-masing)."* Umat yang serba lemah ini tidak mungkin mampu bangun dan berjuang untuk membangunkan semula Islam tanpa melalui proses Tarbiyyah Islamiyyah yang sebenarnya, sebagaimana Rasulullah s.a.w. telah membangunkan generasi al Qur'an yang unik tersebut. Imam Hasan al Banna menyedari bahawa tarbiyyah ini jalannya panjang dan kesulitannya banyak. Hanya sedikit orang yang sabar menempuh jalannya yang panjang dan kesulitannya yang banyak , iaitu orang yang berkemahuan keras. Tetapi Hasan al Banna yakin pula bahawa tarbiyyah itulah satu-satunya jalan yang dapat menyampaikan kepada tujuan dan matlamat islami dan tidak ada jalan lain. Asy Syeikh Mustafa Masyhur telah berkata: ***"Tarbiyyah bukanlah segala-galanya, tetapi segala-galanya tidak akan dapat diraih kecuali melalui tarbiyyah".***

Oleh itu untuk kita membangunkan individu muslim yang berkemampuan untuk mendukung Risalah Ilahi dan seterusnya membangunkan rumah tangga da'wah dan terbangunnya masyarakat yang diredhai Allah dan kita tidak ada pilihan lain melainkan melalui proses Tarbiyyah Islamiyyah harakiyyah.

Pengertian Tarbiyyah Islamiyyah

Tarbiyyah dari segi bahasa berasal daripada perkataan Arab yang membawa erti *penjagaan, pengasuhan dan pendidikan.* Manakala dari segi istilah, perkataan Tarbiyyah membawa pengertian *cara terbaik (ideal) dalam berinteraksi dengan fitrah manusia, baik secara langsung (berupa kata-kata) mahupun secara tidak langsung (berupa keteladanan, sesuai dengan sistem dan wasilahnya yang khas) untuk memproses perubahan dalam diri manusia menuju keadaan yang lebih baik.*

Tarbiyyah Islamiyyah pula ialah *penjagaan, pengasuhan dan pendidikan berasaskan sumber al-Quran al-Karim dan Sunnah Rasulullah* s.a.w. Sumber-sumber ini adalah sumber-sumber Rabbani. Atau dalam pengertian yang lebih khusus Tarbiyyah Islamiyyah bererti *proses mempersiapkan individu dengan persediaan yang menyentuh seluruh aspek kehidupannya, meliputi: ruhani, jasmani dan aqli (akal fikirannya). Ianya bersifat integral dan komprehensif.* ***Tarbiyyah Islamiyah adalah proses penyediaan manusia yang soleh*** *, yakni agar tercipta suatu keseimbangan dalam potensi, matlamat, ucapan dan tindakannya secara menyeluruh. Keseimbangan di sini bermaksud jangan sampai kemunculan suatu potensi menyebabkan lenyapnya potensi yang lain.* [5] Dengan proses tarbiyyah inilah generasi sahabat dididik oleh Rasulullah s.a.w. sehingga berjaya melahirkan Generasi Rabbani yang mendapat jolokan dan pujian daripada Allah seperti yang disebutkan di dalam al-Quran al-Karim yang bermaksud:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ
عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ ۗ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ ٱلْكِتَٰبِ لَكَانَ
خَيْرًا لَّهُم ۚ مِّنْهُمُ ٱلْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿١١٠﴾

"Kamu adalah sebaik-baik ummah yang dikeluarkan untuk manusia. Kamu menyuruh berbuat kebaikan, melarang berbuat kemungkaran dan kamu beriman kepada Allah. Sekiranya Ahli Kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka; di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik."

(Ali 'Imran: 110)

Kenapa Tarbiyyah Islamiyyah Harakiyyah

Dalam realiti kita yang mana kehidupan kita dikuasai oleh sistem rekaan manusia, sistem bukan Islam dan bertentangan dengan sistem yang dikurniakan Allah swt kepada manusia, apakah amal yang paling dicintai oleh Allah? Adakah kita akan beramal seolah-olah kita sedang hidup di dalam sistem Islam atau susunan amal kita perlu perubahan akibat termansuhnya kekhilafahan Islam? Para ulama telah memfatwakan bahawa amal yang paling utama pada masa ini ialah menegakkan Daulah Islamiyah dan seterusnya membangunkan semula sistem khilafah. Daulah Islamiyyah tidak mungkin dapat dibangunkan di dalam sistem bukan Islam yang sedia ada kerana Tarbiyyah Islamiyyah yang menumpang sistem ini tidak akan memberikan keberkesanan yang dihajati. Sistem Tarbiyyah yang menumpang sistem kehidupan yang selain dari Sistem Islam tidak akan mampu melahirkan natijah-natijah rawatan dan menghasilkan ciri-ciri kekuatan yang sangat diperlukan untuk mencapai matlamat mendirikan semula Daulah Islamiyyah. [6]

Apa yang perlu dilakukan ialah memutuskan diri kita dari sistem buatan manusia ini dan menggabungkan diri kita dengan Jamaah Islamiyyah yang menjalankan Sistem Tarbiyyah Islamiyyah yang tidak mempunyai sebarang hubungan dengan Sistem Jahiliyyah yang sedang berjalan. Sistem Tarbiyyah yang mampu merawat individu dan membina ciri kekuatan yang diperlukan hanya dapat dapat berjalan secara berkesan apabila ianya berjalan di dalam sebuah Harakah, dan dinamakan Tarbiyyah Islamiyyah Harakiyyah. Harakah itu sendiri ditakrifkan sebagai *"gerakan yang dicetus dan didorongkan oleh satu perasaan yang merasai kegentingan akibat percanggahan yang berlaku di antara 'Aqidah yang ditanamkan di dalam jiwanya, dengan sistem kehidupan yang bersumberkan selain dari Islam".* Oleh itu Tarbiyyah Islamiyyah hanya boleh menatijahkan natijah-natijah Islam yang sebenar apabila tarbiyyah ini dijalankan secara harakah. [7]

Sasaran Tarbiyyah

Sasaran utama dalam aktiviti tarbiyyah, seperti ditegaskan Said Hawwa dalam Membina Angkatan Mujahid, berawal dari pembentukan pribadi muslim dan berhujung pada tegaknya Ustadziyatul 'Alam (kepemimpinan atas alam semesta). Sasaran ini, seperti dikatakan Imam Hassan Al-Banna, dalam salah satu Risalah Da'wahnya Risalatul Khomis, dianggap oleh sebagian orang bagai mimpi di siang hari. Dan hakikat ini disedari sepenuhnya oleh para mu'asis (pendiri) dan aktivis da'wah yang mukhlis. Karena itu, diperlukan khutuwat (langkah-langkah) perjuangan dan Manhaj Tarbiyyah yang istimewa agar sasaran di atas dapat dicapai. [8]

TARBIYYAH IMANIYYAH DAN HUBUNGKAITNYA DENGAN TARBIYYAH ISLAMIYYAH HARAKIYYAH

Sebagaimana keimanan itu menjadi hati atau jantung kepada Islam maka Tarbiyyah Imaniyyah juga, seharusnya menjadi dasar dan penekanan utama Tarbiyyah Islamiyyah Harakiyyah.

Dalam hal ini Dr Yusof Al Qaradawi menyebut;

> *"Tunggak pertama yang harus dimiliki mereka (anggota harakah) ialah Iman; iaitu Iman yang berdasarkan al Quran dan As Sunnah, dengan seperangkat akhlaq dan cabang-cabangnya yang berjumlah lebih dari tujuh puluh cabang itu. Iman dengan segala cabang-cabangnya yang telah disusun dalam berpuluh-puluh buku yang sekaligus menjabarkannya. Jadi Iman itu bukanlah sekadar angan-angan dan hiasan belaka tetapi keyakinan yang terpateri di dalam dada dan dibuktikan dengan amal perbuatan nyata.".* [9]

Pengertian dan hakikat Iman

Iman yang cuba dilahirkan melalui Proses Tarbiyyah Islamiyyah ini bukanlah sekadar angan-angan ataupun perhiasan bahkan Iman itu merupakan keyakinan dalam hati dan dibenarkan dengan amal.

Ibnu Qayyim dalam menjelaskan mengenai hakikat kesyumulan iman menyebut bahawa:

> *"Iman mempunyai unsur lahir dan bathin. Zahirnya adalah perkataan lidah dan amal anggota tubuh. Bathinnya adalah pembenaran hati, kepatuhan dan kecintaannya. Tidak ada gunanya zahir jika tidak disertai batin, sekalipun ada jaminan terhadap darah, harta dan keturunannya. Bathin tidak akan mendapat pahala selagi tidak ada zahirnya, kecuali jika ada alasan yang masuk akal seperti tidak mampu, dipaksa atau takut. Tidak adanya amal secara zahir padahal tidak ada penghalangnya, merupakan bukti kerosakan bathin atau kerana di dalamnya tidak ada iman. Kekurangan dalam amal menunjukkan kekurangan iman dan kekuatan amal menunjukkan kekuatan Iman. Iman merupakan hati dan inti Islam."* [10]

Dan mengenai perincian dan penyempurnaan Iman ini, Ibnu Qayyim menyebutkan bahawa:

> *"Iman di balik semua itu merupakan suatu hakikat yang terangkum, berupa pengetahuan mengenai apa yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w yang bersifat ilmu, membenarkannya yang bersifat aqidah, menyatakannya bersifat perkataan, tunduk kepadanya yang bersifat cinta dan kepasrahan, mengamalkannya yang bersifat zahir dan bathin serta menyebarkannya merupakan dakwah menurut kesanggupan. Kesempurnaan Iman itu ialah dengan mencintai kerana Allah, membenci kerana Allah, memberi kerana Allah dan menahan kerana Allah."* [11]

Titik Mula Yang Betul.

Apabila kita melihat sirah suci Rasulullah s.a.w, baginda pertama kali memperhatikan aspek kebersihan 'Aqidah Tauhid dan menyucikannya dari berbagai kotoran syirik, kerana itulah dasar yang akan menumpang berdirinya bangunan keperibadian seorang muslim yang selanjutnya akan melakukan dan memasuki fasa pembangunan keluarga, masyarakat kemudian pemerintah dan negara. Rasulullah s.a.w memperhatikan aspek Tarbiyyah dan Kadirisasi para Rijal 'Aqidah dan Pasukan Dakwahnya. Ayat-ayat al Qur'an pada fasa ini turun dengan memfokuskan masalahnya pada masalah keimanan kepada Allah s.w.t, pada Hari Akhirat dan pembersihan 'Aqidah Tauhid. Kemudian arahan untuk membersihkan diri dari Tradisi Jahiliyyah dan diganti dengan Ahklak Islam yang utama. Juga arahan untuk saling menasihati dengan kesabaran dan kebenaran, sekaligus persiapan jiwa untuk peperangan antara hak dan bathil. Hal itu tampak dalam dua peristiwa Bai'atul Aqabah ketika Rasulullah s.a.w meminta para sahabat untuk berjanji untuk melindunginya bila baginda berada di Madinah. [12]

Kita lihat kaum muslimin ketika itu juga menghadapi cacian, penyiksaan, pembunuhan. Tapi Rasulullah s.a.w tetap menasihati mereka dengan sabar dan memberi khabar gembira dengan syurga dan kemenangan. Rasullullah s.a.w tidak meminta mereka membalas cacian itu dengan kekuatan. Meskipun mungkin saja Rasulullah s.a.w memerintahkan mereka untuk membunuh Abu Jahal misalnya atau meruntuhkan berhala untuk menghilangkan kemungkaran. Tapi hal itu tidak dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Kerana bila itu terjadi akan memunculkan heboh di kalangan Musyrikin. Dan bila itu terjadi mereka pasti akan mengadakan aksi penghancuran dakwah' berikut kepada pengikutnya, padahal ketika itu dakwah masih sangat lemah dan pengikutnya masih sedikit. Dan kalau begitu, kemusyrikan dan kemungkaran tidak akan lenyap kerana aksi yang terbatas pada tahapan itu. [13]

Itulah Manhaj Perjuangan Rasululllah pada fasa itu. Mempersiapkan Kadir Inti yang kuat yang akan menjadi dasar bangunan. Mereka dibina sesuai dengan ayat al Qur'an di Madrasah Rasulullah s.a.w. untuk tunduk pada perintah Allah, dengan melakukan Qiamullail untuk menambah bekal lantaran mereka memikul amanat berat sebagaimana firman Allah;

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلۡمُزَّمِّلُ ﴿١﴾ قُمِ ٱلَّيۡلَ إِلَّا قَلِيلٗا ﴿٢﴾ نِّصۡفَهُۥٓ أَوِ ٱنقُصۡ مِنۡهُ قَلِيلًا ﴿٣﴾ أَوۡ زِدۡ عَلَيۡهِ وَرَتِّلِ ٱلۡقُرۡءَانَ تَرۡتِيلًا ﴿٤﴾ إِنَّا سَنُلۡقِي عَلَيۡكَ قَوۡلٗا ثَقِيلًا ﴿٥﴾

"Hai orang-orang yang berselimut (Muhammad s.a.w), bangunlah (untuk solat) di malam hari, kecuali sedikit (daripadanya), (iaitu) seperduanya atau kurangilah dari seperdua itu sedikit, atau lebih seperdua itu. Dan bacalah Al Qur'an itu dengan

perlahan-lahan. Sesungguhnya Kami akan menurunkan kepadamu perkataan yang berat."

(Al Muzzammil: 1-5)

Inilah juga proses pertama yang mesti dilalui oleh mereka yang ingin melibatkan diri di dalam Harakah Islamiyyah, iaitu proses membersihkan hati dari segala Karat-Karat Jahiliyyah dan seterusnya menanam Bibit-Bibit Keimanan yang bersih dan murni. Inilah salah satu ciri utama yang menjadikan Generasi Awal Al Qur'an sebagai satu Generasi Yang Cemerlang (Jiil ul Quran unfarid).

Inilah juga proses awal yang perlu dilalui oleh mana-mana ahli-ahli anggota Harakah ataupun Jemaah Islamiyyah yang mengharapkan natijah yang sama. Inilah faktor yang terlebih dahulu dilihat sebelum kita atau mana-mana kumpulan berfikir dan merancang menegakkan peraturan masyarakat yang Islamik, dalam usaha membangunkan sebuah masyarakat atau Ummah Islamiyyah di tengah-tengah kepekatan Jahiliyyah Moden ini. Kita perlu mencontohi proses pembentukan dan pembangunan yang dijalankan oleh Rasulullah s.a.w 14 abad yang silam. Dengan meyakini Uslub Rasulullah s.a.w adalah bimbingan wahyu Ilahi dan meyakini 'Uslub Rasulullah s.a.w' itu sendiri adalah hasil dari proses Tarbiyyah Islamiyyah yang bertolak dari keyakinan kepada Allah s.w.t dan keyakinan kepada Rasulullah s.a.w.

Uslub Rasulullah s.a.w bermula dengan penekanan dasar dan penegakkan Tauhid Rubbubiyatillah dan Tauhid Uluhiyatillah. Uslub yang melahirkan Ubudiatillahi Wahdah di dalam 'itiqad, ibadah, akhlak, syari'at bahkan dalam semua tindakan. Perkara-perkara ini boleh kita baca dan kita ambil dari mana-mana saja tapi dari segi perlaksanaannya susah kita hendak lahirkan. Oleh itu contoh kita terus kepada generasi yang dididik oleh Rasulullah s.a.w dengan bimbingan wahyu. [14]

Sesungguhnya membentuk dan membangunkan Keperibadian Islam pada individu-individu Muslim dan Jamaah Islamiyyah berdasarkan kepada Tauhid tadi adalah langkah pertama dan asas dalam usaha awal membina masyarakat Islam yang terlaksana di dalam penghayatan hidup mereka hukum-hukum Allah s.w.t dan peradaban Islam yang ditinggalkan oleh junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w. Keperibadian yang bersih daripada percampuran antara Jahiliyyah dengan Islam. Tegasnya bersih daripada pertembungan antara haq dan bathil di dalam masyarakat Islam itu sendiri. [15]

Iman Sebagai Dasar Atau Syarat Penerimaan Amal

وَمَن يَعْمَلْ مِنَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُو۟لَٰٓئِكَ
يَدْخُلُونَ ٱلْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا ﴿١٢٤﴾

"Dan sesiapa yang mengerjakan amalan-amalan yang salih dari lelaki atau perempuan, sedangkan ia seorang yang beriman, maka mereka akan masuk ke dalam Syurga dan mereka tidak akan dikurangi sedikitpun (pahala amalan mereka).

An Nisaa': 124

Asy Syahid Syed Qutb dalam Tafsir Fi Dzilalul Quran dalam menafsirkan ayat ini menegaskan bahawa :

" Keimanan itu adalah syarat bagi penerimaan sesuatu amalan dan mana - mana amalan yang tidak terbit daripada keimanan dan tidak disertai oleh keimanan adalah tidak mempunyai sebarang nilai di sisi Allah. Syarat ini memang tabi'i dan logikal kerana keimanan kepada Allah itulah yang menjadikan sesuatu perbuatan yang baik itu terbit dari kefahaman dan niat yang tertentu dan menjadikan perbuatan itu suatu harakat yang tabi'i dan teratur bukannya terbit kerana tujuan untuk memenuhi kehendak keinginan peribadi dan bukannya harakat yang kebetulan yang tidak diatur dengan rapi dan tidak ditegakkan di atas sesuatu asas atau dasar."

Oleh itu Iman tidak boleh dipisahkan daripada sebarang kegiatan hidup manusia. Setiap pekerjaan yang dilakukan hendaklah dibina dan didorong oleh iman kepada Allah Ta'ala kerana niat yang ikhlas kerana Allah Ta'ala lah yang menjadi penentu untuk suatu amalan itu diterima. Ini selari dengan sabda Rasulullah s.a.w daripada Saidina 'Umar al Khattab r.a:

"Sesungguhnya tiap amalan itu ialah dengan niatnya dan tiap urusan itu ialah dengan apa yang diniatkan. Maka sesiapa yang Hijrahnya kerana Allah dan RasulNya, maka Hijrahnya itu untuk Allah dan RasulNya. Maka sesiapa yang Hijrahnya kerana dunia yang ingin dimilikinya atau kerana wanita yang ingin dinikahinya maka Hijrahnya ialah untuk apa yang diHijrahkan ke atasnya"

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dan di dalam satu Hadith Qudsi Rasulullah s.a.w ;

Zuhair bin Harb bercerita kepada kami, Ismail bin Ibrahim bercerita kepada kami, Ruh bin Qasim memberitakan kepada kami dari al 'Ala' bin Abdur Rahman bin

Ya'qub, dari ayahnya dari Abu Hurairah r.a berkata; Rasulullah s.a.w bersabda: "Allah yang Maha Mulia dan Maha Besar berfirman : "Aku adalah penyekutu yang paling tidak memerlukan sekutu, barang siapa yang beramal suatu amal di dalamnya ia mensekutukan kepada selain Ku, maka Aku meninggalkannya dan sekutunya".

(Riwayat Muslim)

Yusof Qardhawi dalam membincangkan mengenai fokus utama Tarbiyyah Islamiyyah, meletakkan 'niat yang ikhlas' di tempat pertama. Menurutnya *"amal islami itu adalah ibadah dan jihad, sedangkan ibadah tidak akan diterima Allah kecuali dengan niat yang ikhlas hanya keranaNya.* [16]*Allah berfirman;*

وَمَآ أُمِرُوٓا۟ إِلَّا لِيَعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ حُنَفَآءَ وَيُقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ
وَيُؤْتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ ۚ وَذَٰلِكَ دِينُ ٱلْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾

"Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan kata'atan kepadaNya dalam (menjalankan) agama dengan lurus dan supaya mereka mendirikan shalat dan menunaikan zakat; dan yang demikian itulah agama yang lurus."

(Al Bayyinah : 5)

Menurut Mustafa Masyhur, ibadah yang sahih (betul) lahir daripada 'Aqidahyang baik. Perkataan ibadah itu mempunyai sifat kesyumulannya dan merangkumi segala urusan hidup, tidak terbatas kepada solat, puasa, zakat dan haji sahaja kerana risalah dan tugas manusia dalam hidup ini ialah beribadah kepada Allah. Hidup seluruhnya ialah ibadah kepada Allah.

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

"Tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepada Aku."

(Az-Zaariyat: 56)

Oleh itu setiap muslim mestilah bersungguh-sungguh menrealisasikan pengertian ini dengan niat yang betul dalam setiap pekerjaan mereka. Dengan itu, barulah makan minum, ilmu dan amalan, riadah dan perkahwinan menjadi wasilah (jalan) mentaati Allah. Rumah menjadi mihrab (tempat beribadah kepada Allah). Begitu juga sekolah, kolej, kilang, tempat perniagaan, kebun, ladang, sawah, padang permainan, malah dunia seluruhnya menjadi tempat beribadah kepada Allah SWT. Dengan perkataan lain, segala usaha dan perkataan yang terbit daripada seorang muslim merupakan ibadah kepada Allah.

Dengan itu hubungan sentiasa wujud antara hamba dengan Penciptanya dalam semua aspek kehidupan. Semua urusan dirujuk kepada Syariat Allah swt. Hubungan hati manusia dengan Allah pada setiap masa adalah asas utama bagi melaksanakan Tarbiyyah Islamiyyah dengan berkesan.

Oleh sebab itulah aspek Rabbani dalam Tarbiyah Islamiyah adalah aspek yang paling penting kerana matlamat pendidikan Islam ialah melahirkan insan mukmin dalam pengertian sebenar iaitu insan yang memiliki iman yang menguasai hati dan fikiran, lahir dalam bentuk amalan dan tindakan, seperti yang disebutkan dalam al-athar: *"...Ia sebati dalam jiwa dan dibenarkan dalam bentuk amalan."* Allah berfirman yang bermaksud:

إِنَّمَا ٱلۡمُؤۡمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ثُمَّ لَمۡ يَرۡتَابُواْ وَجَٰهَدُواْ
بِأَمۡوَٰلِهِمۡ وَأَنفُسِهِمۡ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِۚ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّٰدِقُونَ
١٥

"Sesungguhnya orang yang beriman ialah orang yang beriman kepada Allah dan RasulNya, kemudian mereka tidak ragu-ragu, mereka berjihad dengan harta dan jiwa mereka di jalan Allah.Mereka itulah orang-orang yang benar."
(Al-Hujurat: 15)

Tunggak Tarbiyyah Rabbaniyah ialah hati yang subur, sentiasa berhubung dengan Allah SWT, yakin akan menemui-Nya, mengharapkan rahmat-Nya dan takut akan azab-Nya. Jiwa yang hidup inilah yang menjadi tumpuan Allah swt untuk dicampakkan nur kepadanya. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah tidak melihat pada rupa bentuk kamu tetapi sesungguhnya Dia melihat kepada amalan-amalan dan hati-hati kamu."
(Riwayat Ibn Majah)

Iman Sebagai Masdar Atau Penggerak

Rasulullah s.a.w bersungguh-sungguh berusaha supaya Tanzim Haraki ini lahir dan datang sebagai hasil dari kesedaran Islam dan buah daripadanya. Lantaran ini bukanlah perasaan (semangat) yang menjadi pendorong di dalam tubuh da'wah. Akan tetapi 'Aqidahlah yang menjadi asas bangunan harakah ini. Iman yang sedar yang menjadi pemimpin jiwa dan penggeraknya yang asli di dalam jihadnya yang susah lagi panjang. [17]

Lantaran itu Tanzim Haraki di zaman Rasulullah s.a.w tidak mengambil bentuk kepartian seperti yang kita lihat di dalam organisasi politik moden. Jamaah Islam yang dibentuk dan dipimpin oleh Rasulullah s.a.w tidak menjadi rombolan yang berjalan di belakang pimpinan tanpa

hidayah. Akan tetapi segala pertandaan dan bentuk organisasi itu menunjukkan kedalaman 'Aqidah di dalam organisasi. [18]

Di dalam Harakah Islamiyyah, anggota harakah tidak mengikuti orang-orang tertentu. Manusia yang masuk menjadi anggota di dalamnya bukan bertujuan mencapai maslahat dan kepentingan golongan yang beramal di dalamnya. Di dalam Harakah Islamiyyah anggotanya mengikuti prinsip dan berusaha di dalamnya untuk mencapai keredhaan Allah s.w.t semata-mata. Lihatlah bagaimana Saddad bin Al Had berkata:

> *" Telah datang seorang lelaki dari Arab Badwi kepada Rasulullah s.a.w. Apabila dia telah beriman kepadanya dan mengikutinya lalu berkata: "Aku berhijrah bersama kamu". Lantas Rasulullah s.a.w mewasiatkan dia kepada seorang sahabat. Tatkala terjadi peperangan Khaibar. Rasulullah s.a.w mendapat sesuatu dari rampasan perang lalu Rasulullah s.a.w membahagikannya kepada Arab badwi itu. Maka Arab Badwi itu berkata kepada Rasulullah s.a.w: " Bukan kerana ini aku mengikuti kamu. Akan tetapi aku mengikuti kamu supaya aku dipanah di sini (Ia menunjuk pada lehernya) lalu aku tewas dan memasuki syurga". Lantas Rasulullah s.a.w bersabda: "Sekiranya kamu jujur kepada Allah, pasti Allah akan memenuhi cita-cita kamu itu". Kemudian mereka bangun berperang, maka dia dibawa kembali dari medan perang dengan keadaan terbunuh, lalu Rasulullah s.a.w bersabda: "Itukah dia?" Mereka berkata "Ya.." Rasulullah s.a.w bersabda: " Dia jujur kepada Allah maka Allah menepati janjinya."*

Inilah kesedaran 'Aqidah yang memelihara Harakah Islam dari pembubaran dan kehancuran selepas wafatnya Rasulullah s.a.w. Kesedaran 'Akidah ini telah menjelma dalam bentuk yang paling terang dan realiti yang paling jelas ketikamana Saidina Abu Bakr As Siddiq r.a berdiri mengisyhtiharkan kepada pembesar-pembesar muslimin:

> *"Barangsiapa yang menyembah Muhammad maka sesungguhnya Muhammad telah mati dan siapa yang menyembah Allah maka sesungguhnya Allah hidup dan tidak mati."*

Kemudian dia membacakan firman Allah kepada Manusia:

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِ ٱلرُّسُلُ ۚ أَفَإِي۟ن
مَّاتَ أَوْ قُتِلَ ٱنقَلَبْتُمْ عَلَىٰٓ أَعْقَٰبِكُمْ ۚ وَمَن يَنقَلِبْ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ فَلَن
يَضُرَّ ٱللَّهَ شَيْـًٔا ۗ وَسَيَجْزِى ٱللَّهُ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٤٤﴾

Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul yang sudahpun didahului oleh beberapa orang Rasul (yang telah mati atau terbunuh). Jika demikian, kalau ia pula mati atau terbunuh, (patutkah) kamu berbalik (berpaling tadah menjadi

kafir)? Dan (ingatlah), sesiapa yang berbalik (menjadi kafir) maka ia tidak akan mendatangkan mudarat kepada Allah sedikitpun; dan (sebaliknya) Allah akan memberi balasan pahala kepada orang-orang yang bersyukur (akan nikmat Islam yang tidak ada bandingannya itu).

(Ali Imran:144)

Iman Sebagai Bekalan Menghadapi Tajribah Dan Kesinambungan 'Amal Islami

Pengalaman 'Amal Islami ditaburi dengan berbagai-bagai tribulasi dan dibentangkan dengan berbagai gangguan. Rintangan-rintangan yang mengganggu di dalam perjalanan lebih banyak dari yang dijangka. Segenap kuasa yang sedang mengintip-ngintip Islam dan para pemeluknya tidak terkira banyaknya. Dan masalah-masalah yang ditinggalkan oleh segala kebudayaan dan falsafah kebendaan di dalam masyarakat Islam, menuntut penyelesaian yang paling mujarab dan paling cepat dan kemampuan yang paling besar dan paling baik. Ditambah pula dengan kejahilan Muslimin terhadap Deen mereka dan asingnya mereka dari prinsip-prinsip Islam. [19]

Inilah suasana yang sedang dihadapi oleh Harakah Islamiyyah dan dalam menghadapi suasana begini kita tentunya memerlukan suatu persediaan yang cukup besar. Kita mungkin tidak dapat menandingi musuh dari sudut bilangan atau peralatan dan kecanggihan teknologi. Tetapi kita ada suatu kekuatan yang lain yang dapat menandingi apa-apa saja cabaran dan rintangan; iaitu keimanan yang mendalam terhadap pertolongan dan janji-janji Allah s.w.t. Inilah kekuatan yang diwariskan oleh Rasulullah s.a.w kepada umatnya. Saidina 'Umar pernah berwasiat kepada Saidina Saad Bin Abi Waqas yang ketika itu menjadi pemimpin tentera Islam ke Farsi sebagai berkata:

"Sesungguhnya aku mewasiatkan kepada kamu supaya bertaqwa kepada Allah s.w.t dalam setiap suasana dan keadaan, kerana taqwa kepada Allah itulah sebaik-baik senjata untuk menentang musuh Allah dan sebagai suatu kekuatan di dalam peperangan. Dan saya berwasiat kepada kamu dan orang-orang kamu supaya lebih mengawasi perkara maksiat daripada mengawasi musuh, kerana dosa tentera di bawah pimpinan kamu lebih ditakuti daripada musuh mereka. Sesungguhnya kemenangan orang-orang Islam adalah kerana maksiat musuh. Kalaulah tidak demikian kita tidak mempunyai kekuatan kerana bilangan kita jauh lebih sedikit daripada bilangan mereka dan senjata kita tidak seimbang dengan senjata mereka. Kalaulah kita sama dengan mereka dalam perkara maksiat kepada Allah. Maka mereka melebihi kita dari segi kekuatan. Ketahuilah wahai Sa'ad- di dalam perjalan jihad kamu ini ada pengawas-pemgawas dari Allah s.w.t. Mereka mengetahui apa yang kamu lakukan dan hendaklah kamu merasa malu dengan mereka dam janganlah kamu melakukan maksiat sedang kamu berjihad di jalanNya." [20]

Pada suatu masa yang lain pula Saidina 'Umar Al Khattab r.a pernah mengutuskan surat kepada Amru Ibnu Al 'As yang berbunyi:

"Sesungguhnya aku merasa hairan mengenai kelambatan kamu membuka Mesir. Kamu berperang, berjihad sudah genap dua tahun, berlakunya demikian kerana kamu membuat bid'ah dan kamu cintakan dunia. Sesungguhnya Allah s.w.t tidak menolong sesuatu kaum melainkan kejujuran niat mereka."[21]

Betapa besarnya hajat kita kepada keyakinan yang kukuh untuk menghadapi generasi anak cucu Fir'aun dan keturunan Abu Jahal. Dan kita tetap yakin bahawa Allah bersama kita. Barangsiapa yang sentiasa beserta Allah, ia pasti tidak akan lenyap. Allah berfirman;

"Jika Allah menolong kamu, maka tak adalah orang yang dapat mengalahkan kamu; jika Allah membiarkan kamu (tidak memberi pertolongan), maka siapakah gerangan yang dapat menolong kamu (selain) dari Allah sesudah itu? Kerana itu hendaklah kepada Allah saja orang-orang Mu'min bertawakkal."

(Ali 'Imran: 160)

وَمَا لَنَآ أَلَّا نَتَوَكَّلَ عَلَى ٱللَّهِ وَقَدْ هَدَىٰنَا سُبُلَنَا ۚ وَلَنَصْبِرَنَّ عَلَىٰ مَآ ءَاذَيْتُمُونَا ۚ وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُتَوَكِّلُونَ ﴿١٢﴾

"Mengapa kami tidak akan bertawakkal kepada Allah padahal Dia telah menunjukkan jalan kepada kami. Dan kami sungguh-sungguh akan bersabar terhadap gangguan-gangguan yang kamu lakukan kepada kami. Dan hanya kepada Allah saja orang-orang yang bertawakkal itu berserah diri."

(Ibrahim: 12)

رَّبُّ ٱلْمَشْرِقِ وَٱلْمَغْرِبِ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ فَٱتَّخِذْهُ وَكِيلًا ﴿٩﴾

"(Dialah) Tuhan Timur dan Barat, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, maka ambillah Dia sebagai Pelindung."

(AlMuzzammil: 9)

Iman Dan Penyatuan Ummat.

Bagi Islam, bukan warna, bangsa, keturunan, geografi atau mana-mana kepentingan yang menjadi ikatan sesama manusia atau memisahkan mereka sebaliknya ikatan ini adalah ikatan 'Aqidah. Ikatan ini adalah hubungan mereka sesama mereka. Hubungan mereka dengan Allah menyebabkan mereka dianugerahkan status kemanusiaan ini. Oleh kerana itu, hubungan inilah yang akan menentukan nasib mereka di duinia ini atau di akhirat kelak. Hembusan yang ditiup dari ruh Allah menjadikan manusia itu manusia. Ruh inilah yang menjadikan manusia itu mulia dan menyebabkan segala isi langit dan bumi dijadikan untuk manusia. Berlandaskan kepada hakikat inilah manusia bersatu dan berpisah bukan berlandaskan kepada suatu unsur yang asing daripada manusia. [22]

Ikatan perpaduan ini adalah ikatan 'Aqidah kerana 'Aqidah adalah termulia bagi ruh manusia. Apabila hubungan ini terputus maka hilanglah sebarang ikatan perpaduan dan identitinya. [23]

Oleh itu upaya untuk menyatukan mereka itu pertama kali bersandar pada penghidupan 'Akidah Islamuiyyah dalam diri, membangkitkan keimanan dalam hati, mengenalkan kaum muslimin dengan hakikat agama mereka, kebesaran dan kelengkapannya, bahawa Islam itu menjadikan kita tidak memerlukan semua prinsip buatan manusia yang telah terbukti rapuh dan gagal dalam menciptakan kebahagiaan ummat manusia lantaran ia merupakan buatan manusia yang lemah. Adapun Islam adalah buatan Allah Rabbul 'Alamin dan pencipta manusia, yang maha mengetahui apa yang baik dan untuk kemaslahatan mereka. Kerana itu sangan tidak atis dan tidak logik mensejajarkan hukum Allah itu dengan prinsip-prinsip manusia. Ketika Keimanan telah menyentuh hati manusia, ia akan mendorong mereka untuk saling mencintai dan bersatu dan membuang perselisihan dan perpecahan. Dari situlah mereka akan menyambut seruan persatuan di antara mereka kerana mereka mengharapkan ketaatan dan kedekatan pada Allah s.w.t. yang telah berfirman kepada mereka; [24]

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟ ۚ وَٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ
كُنتُمْ أَعْدَآءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُم بِنِعْمَتِهِۦٓ إِخْوَٰنًا وَكُنتُمْ عَلَىٰ
شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ ٱلنَّارِ فَأَنقَذَكُم مِّنْهَا ۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمْ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ
تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

"Dan berpegang teguhlah kamu kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan ni'mat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan, maka disatukan hati-hati kamu, lalu jadilah kamu (kerana ni'mat Allah) orang-orang yang bersaudara; dan kamu telah berada di tepi jurang Neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayatNya kepada kamu, agar kamu mendapat petunjuk."

(Ali 'Imran: 103)

Juga firmanNya yang lain;

وَلَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ تَفَرَّقُوا۟ وَٱخْتَلَفُوا۟ مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلْبَيِّنَٰتُ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٥﴾

"Dan janganlah kamu menyerupai orang-orang yang bercerai berai dan berselisih sesudah datangnya keterangan yang jelas kepada mereka. Mereka itulah orang-orang yang mendapat siksa yang berat,"

(Ali 'Imran: 105)

Inilah jalan yang dilalui oleh Rasulullah s.a.w. Rasulullah s.a.w. menanamkan 'Akidah Tauhid dan ibadah hanya kepada Allah, kemudian menolak semua sesembahan selainNya dari patung berhala serta semua yang disembah selain Allah. Setelah itu banyak jiwa yang terbuka untuk kesatuan, Ukhuwah dan mengutamakan orang lain dibanding diri sendiri. Ini sangat jelas terjadi ketika Rasulullah s.a.w mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar. Itulah langkah strategik dalam menyiapkan tapak atau dasar yang kuat dan terpadu yang kemudian menjadi landasan bangunan Islam di atasnya. [25]

Kepada mereka para anggota harakah, hendaklah mengerahkan segenap upaya untuk menyebarkan dakwah dan membangunkan keimanan serta mengumpul kaum muslimin di bawah bendera Islam. Menyediakan semua sebab dan sarana yang benar untuk mengujudkan hal tersebut diiringi kesabaran yang berlipat ganda. Kerana perubahan yang diidamkan tidak akan terujud kecuali melalui sunnatullah yang tidak akan berubah; [26]

لَهُۥ مُعَقِّبَٰتٌ مِّنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِۦ يَحْفَظُونَهُۥ مِنْ أَمْرِ ٱللَّهِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ وَإِذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِقَوْمٍ سُوٓءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُۥ ۚ وَمَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَالٍ ﴿١١﴾

"Bagi manusia ada malaikat-malaikat yang selalu mengikutinya bergiliran, di muka dan di belakangnya, mereka menjaganya atas perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tidak ada yang dapat menolaknya; dan sekali-kali tidak ada pelindung bagi mereka selain Dia."

(Ar Ra'du: 11)

Iman Dan Tindakbalas Haraki.

Keimanan yang cuba dibentuk melaui proses Tarbiyyah Islamiyyah Harakiyyah bukanlan keimanan yang mandul yang tak membuahkan amal. Tapi keimanan yang cuba dihasilkan ialah keimanan yang tulen dan peka terhadap tuntutan keimanan serta peka dan mudah bertindakbalas dengan suasana-suasana yang cuba meruntuhkan atau menggugat pertumbuhan dan perkembangan Iman tersebut.

Islam bukan Agama Rahbaniyyah (pertapaan) yang mengasingkan para pemeluknya di gereja-gereja dan biara-biara. Akan tetapi dia adalah Agama Haraki, agama yang bertindak dengan tindakbalas yang sanggup menggempur dan digempur, sanggup menyerang dan diserang. [27]

Muhammad Ahmad ar Rashid di dalam bukunya Al Muntalaq menyebut;

"Walau bagaimana dahsyatnya kerosakan, seorang Pendakwah tidak boleh meninggalkan tugasnya untuk menyelamatkan hamba-hamba Allah dari cara hidup Jahiliyyah kepada cara hidup Islam, mengeluarkan mereka dari Kesesatan kepada Hidayah, dari Kebatilan kepada Kebenaran dan dari Kezaliman kepada Ke'adilan.Segala kesangsian dan putus asa dalam proses Islah ini perlu segera dimusnahkan dengan detik-detik kesedaran." [28]

Oleh itu anggota harakah hendaklah menjadi Rahban (Rahib) di malam hari dan Fursan (tentera berjuda) di siang hari. Dengan itu mehnah-mehnah (tribulasi) di dalam hidup Harakah Islamiyyah menjadi dapur pembakar yang membakar logam-logam untuk membersihkan segala karat dan campurannya. [29]

Dengan ini barulah anggota harakah akan menjadi Mukmin Mujahid ataupun Rijalun 'Aqidah bukan buih-buih. Firman Allah Taala :

أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَسَالَتْ أَوْدِيَةٌۢ بِقَدَرِهَا فَٱحْتَمَلَ ٱلسَّيْلُ زَبَدًا
رَّابِيًاۚ وَمِمَّا يُوقِدُونَ عَلَيْهِ فِى ٱلنَّارِ ٱبْتِغَآءَ حِلْيَةٍ أَوْ مَتَٰعٍ زَبَدٌ مِّثْلُهُۥۚ
كَذَٰلِكَ يَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْحَقَّ وَٱلْبَٰطِلَۚ فَأَمَّا ٱلزَّبَدُ فَيَذْهَبُ جُفَآءًۖ وَأَمَّا
مَا يَنفَعُ ٱلنَّاسَ فَيَمْكُثُ فِى ٱلْأَرْضِۚ كَذَٰلِكَ يَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْأَمْثَالَ

Ia menurunkan air (hujan) dari langit, lalu membanjiri tanah-tanah lembah (dengan airnya) menurut kadarnya yang ditetapkan Tuhan untuk faedah makhlukNya, kemudian banjir itu membawa buih yang terapung-apung. Dan dari benda-benda yang dibakar di dalam api untuk dijadikan barang perhiasan atau perkakas yang diperlukan, juga timbul buih seperti itu. Demikianlah Allah memberi misal perbandingan tentang perkara yang benar dan yang salah. Adapun buih itu maka akan hilang lenyaplah ia hanyut terbuang, manakala benda-benda yang berfaedah kepada manusia maka ia tetap tinggal di bumi. Demikianlah Allah menerangkan misal-misal perbandingan.

(Ar ra'du :17)

Oleh itu anggota harakah mestilah beriman dengan sebenar-benarnya dan menyelaraskan diri dengan Islam dengan sungguh-sungguh. Mereka itulah yang menjadi lampu-lampu hidayah. Di samping itu, mereka terdedah dengan fitnah-fitnah yang membuta tuli. [30]

Sejarah Islam telah menyaksikan di setiap zamannya yang berbeza-beza, berbagai-bagai contoh teladan yang indah dan cemerlang. Para pemudanya telah menepati apa yang telah mereka janjikan kepada Allah. Maka di antara mereka ada yang telah gugur dan ada pula dari mereka yang menuggu dan mereka sedikitpun tidak berubah. [31]

Di atas asas inilah terbentuknya harakah Islamiyyah yang pertama. Harakah yang beriman dengan da'wahnya selaras dengan segala prinsip yang didukung. Ia mengetahui segala bahaya jalan yang dilaluinya dan bersiap sedia memberi pengorbanannya dengan redha dan murah hati. Renunglah kata-kata As Syahid Hassan Al Banna:

" Betapa inginnya kami agar umat ini mengetahui bahawa mereka lebih kami cintai daripada diri kami sendiri. Kami berbangga ketika jiwa-jiwa kami gugur sebagai penebus bagi kehormatan mereka, jika memang tebusan itu yang diperlukan atau

menjadi harga bagi tegaknya kejayaan, kemuliaan dan terwujudnya cita-cita mereka, jika memang itu harga yang harus dibayar. Tiada sesuatu yang membuat kami bersikap seperti ini selain rasa cinta yang talah mengharu biru hati kami, menguasai perasaan kami, memeras habis air mata kami dan mencabut rasa ingin tidur dari pelupuk mara kami. Betapa kami menyaksikan bencana yang mencabik-cabik umat ini, sementara kita hanya sanggup menyerah kepada kehinaan dan pasrah oleh keputusan. Sungguh kami berbuat di jalan Allah untuk kemaslahatan seluruh manusia, lebih banyak dari apa yang kami lakukan untuk kepentingan diri kami. Kami adalah milik kalian wahai saudara tercinta, sesaatpun kami tidak akan pernah menjadi musuh kalian." [32]

Penutup.

Persoalan Iman adalah persoalan 'nilai'. Kehidupan dan segala amalan yang tidak dihiasi dengan keimanan yang benar adalah kehidupan yang tidak ada nilai di sisi Allah Ta'ala walaupun umur kehidupan tersebut 100 tahun atau lebih dari itu. Oleh itu Tarbiyyah Imaniyyah yang menjadi dasar Tarbiyyah Islamiyyah Harakiyyah ialah proses memberi 'nilai' kepada amal-amal yang akan lahir sebagai buah dari Tarbiyyah Islamiyyah Harakiyyah.

Kerja-kerja menegakkan Kalimah Allah di muka bumi ini adalah suatu kerja yang besar dan akan menuntut pengorbanan yang besar; bermula dari masa lapang kita dan kemuncaknya adalah nyawa kita. Pengorbanan yang sebegini besar tidak akan terlaksana melainkan dengan dorongan Iman yang benar. Kalaupun ada dorongan-dorongan lain yang memungkinkannya namun pengorbanan tersebut tidak ada nilainya di sisi Allah sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w;

"Sesungguhnya manusia yang mula-mula dihukum pada Hari Akhirat ialah orang yang gugur Syahid. Dia dibawa kepada Allah, maka Allah menyebut kepadanya nikmat-nikmat yang telah diberi (semasa di dunia), lalu dia mengakui nikmat-nikmat itu. (Setelah itu) Allah bertanya kepadanya "Apakah yang engkau telah lakukan pada nikmat-nikmat itu ?" Dia menjawab "Aku berperang pada (jalan) Mu, sehingga aku gugur syahid." Allah berfirman, "Engkau berdusta! (Tujuan engkau bukan mematuhi perintahKu), tetapi bertujuan supaya orang mengatakan engkau berani dan memang telahpun dikatakan begitu", Kemudian telah diperintahkan supaya dihumban mukanya ke dalam Neraka. Kedua: Orang yang mempelajari "Ilmu dan mengajarkannya serta membaca al Qur'an, lalu dibawa berjumpa Allah, maka Allah menyebutkan nikmat yang diberikan kepadanya satu demi satu. Dia mengakui nikmat-nikmat itu (semua). (Setelah itu) Allah bertanya kepadanya, "Apakah yang telah engkau lakukan pada nikmat itu?" Dia menjawab, "Aku mempelajari ilmu dan mengajarnya, serta membaca al Qur'an kerana mengharapkan KeredhaanMu." Allah berfirman, "Engkau berdusta! (Engkau tidak bertujuan mengharapkan Keredhaan Ku), tetapi engkau bertujuan supaya orang mengatakan engkau 'Alim, engkau membaca al Qur'an supaya dikatakan engaku Qari, memang telah dikatakan engkau Qari, memang telah dikatakan (engkau 'Alim dan Qari)," Lalu dia diperintahkan supaya mukanya dihumban ke dalam Neraka. Ketiga: Orang yang diberikan kepadanya kemewahan hidup, dan kekayaan harta benda, lalu dia dibawa kepada Allah, maka Allah

membilang nikmatNya satu demi satu kepadanya, dia mengakui nikmat-nikmat itu (semua). Allah bertanya kepadanya, "Apakah yang engkau lakukan pada nikmat-nikmat itu ?" Dia menjawab "(Dengan nikmat-nikmat itu) Aku tidak tinggal satu pun jalan-jalan nafkah yang Engkau suruh, kecuali aku bernafkah padanya, kerana mengharapkan KeredhaanMu." Allah berfirman, "Engkau dusta ! (Engkau tidak bertujuan mencari KeredhaanKu), tetapi supaya orang mengatakan engkau Pemurah, memang orang telah mengatakan engkau Pemurah," kemudian diperintahkan supaya dihumbankan mukanya ke dalam Neraka.

(Riwayat Muslim dan At Tirmizi)

Oleh itu, Sewajarnyalah Tarbiyyah Imaniyyah ini menjadi fokus utama atau sebagai dasar kepada Tarbiyyah islamiyyah Harakiyyah.

لَا يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۚ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا ٱكْتَسَبَتْ ۗ رَبَّنَا لَا
تُؤَاخِذْنَآ إِن نَّسِينَآ أَوْ أَخْطَأْنَا ۚ رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَآ إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُۥ
عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِنَا ۚ رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِۦ ۖ وَٱعْفُ عَنَّا وَٱغْفِرْ
لَنَا وَٱرْحَمْنَآ ۚ أَنتَ مَوْلَىٰنَا فَٱنصُرْنَا عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

"Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Ia mendapat pahala (dari kebajikan) yang diusahakannya dan dia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya. (mereka berdo'a): 'Ya tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau tersalah. Ya tuhan kami, janganlah Engkau bebankan kepada kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang-orang yang sebelum kami. Ya Tuhan kami janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tak sanggup kami memikulnya. Beri maaflah kami; ampunilah kami; dan rahmatilah kami. Engkaulah Penolong kami, maka tolonglah kami terhadap kaum yang kafir."

(Al Baqarah: 286)

ABU 'UMAR
7 ZULKAEDAH 1421
1 FEBRUARI 2001

NOTA KAKI

1. Min Ajli Khuthwatin Ila Amam 'Ala Thariqi Al Jihad Al Mubarak; Fathi Yakan.
2. Al Laam Al Muwaqi'in; Ibnu Qayyim : Nazharat Fi Risala At Ta'lim
3. Min Ajli Khuthwatin Ila Amam 'Ala Thariqi Al Jihad Al Mubarak; Fathi Yakan.
4. Tarbiyyah Islamiyyah Harakiyyah; Abu Munzir
5. Ibid
6. Ibid
7. Ibid
8. Ibid
9. Awwlawiyat Al Harakat AlIslamiyyah Fi Marhalah Al Qaadimah; Dr Yusuf Qardhawi
10. Fawaid Al Fawaid ; Ibnu Qayyim Al Jauziyah
11. Ibid
12. Fiqh Da'wah ; As Syeikh Mustafa Masyhur
13. Ibid
14. Uslub Pembentukan Peribadi Dan Pembangunan Ummat; Risalah Al Qayyim (Abu Muhammad)
15. Ibid
16. Awwlawiyat Al Harakat AlIslamiyyah Fi Marhalah Al Qaadimah; Dr Yusuf Qardhawi
17. Al Islam, Fikrah Wa Harakah Wa Inqilab; Fathi Yakan
18. Ibid
19. Ibid
20. Uslub Pembentukan Peribadi Dan Pembangunan Ummat; Risalah Al Qayyim (Abu Muhammad)
21. Ibid
22. Haza Ad Deen; As Syahid Sayyid Qutb
23. Ibid
24. Ibid
25. Fiqh Da'wah; As Syeikh Mustafa Masyhur
26. Ibid
27. Al Islam, Fikrah Wa Harakah Wa Inqilab; Fathi Yakan
28. Al Muntalaq; Muhammad Ahmad Ar Rasyid
29. Al Islam, Fikrah Wa Harakah Wa Inqilab; Fathi Yakan
30. Ibid
31. Ibid
32. Majmu' Ar Rasail ; As Syahid Al Imam Hassan AlBanna